



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PENAFIAN KETERLIBATAN JABATAN ALAM SEKITAR DALAM KES PENIPUAN E-DAGANG

Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil maklum laporan media berhubung kes seorang peniaga yang kerugian RM48,300 selepas dipercayai diperdaya oleh individu yang menyamar sebagai pegawai JAS bagi tujuan membuat tempahan barangan. Sehubungan itu, JAS ingin menegaskan bahawa jabatan ini tidak mempunyai sebarang kaitan dengan individu atau pihak yang terlibat dalam kegiatan penipuan tersebut.

JAS memandang serius tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang menyalahgunakan nama jabatan bagi memperdaya orang awam. Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dan membuat semakan dengan pihak jabatan sekiranya menerima sebarang komunikasi atau tawaran yang menggunakan nama JAS, khususnya yang melibatkan urusan kewangan atau transaksi pembayaran.

Sebarang urusan rasmi dengan JAS hanya dilaksanakan melalui saluran komunikasi dan prosedur rasmi jabatan. Orang ramai yang mempunyai maklumat atau menjadi mangsa penipuan yang menggunakan nama jabatan ini disarankan untuk segera membuat laporan kepada pihak polis bagi membantu siasatan lanjut.

JABATAN ALAM SEKITAR
10 MAC 2026

